

Penyampai : TAN SRI ABDUL HALIM BIN ALI
Tajuk : MAJLIS PENYAMPAIAN ANUGERAH KUALITI PERDANA MENTERI 1996 DAN
SIMPOSIUM KEBANGSAAN MS ISO 9000
Lokasi : HOTEL SHANGRI-LA, KUALA LUMPUR
Tarikh : 06-01-1997

1. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan setinggi terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad, kerana sudi meluangkan masa pada pagi ini untuk hadir bagi merasmikan Majlis Anugerah Kualiti Perdana Menteri 1996 serta juga Simposium Kebangsaan MS ISO 9000, yang diadakan sempena dengan Majlis Anugerah ini. Kesudian Yang Amat Berhormat Dato Seri juga untuk menyampaikan anugerah-anugerah kepada para pemenang sebentar lagi merupakan suatu pengiktirafan bukan sahaja terhadap usaha agensi-agensi mempamerkan kecemerlangan malah juga kepada keberkesanan program ini yang berupaya membawa perubahan dan pendekatan inovatif dalam sektor awam dan swasta negara ini.

2. Majlis Anugerah Kualiti Perdana Menteri untuk tahun ini di anggap istimewa berbanding dengan majlis-majlis seumpamanya yang pernah dianjurkan dahulu, kerana akan disusuli oleh penganjuran simposium kebangsaan mengenai pelaksanaan MS ISO 9000. Saya yakin bahawa pengalaman yang diperolehi dari kedua-dua majlis ini nanti akan dapat menanamkan kesedaran dan kefahaman yang lebih mendalam di kalangan agensi-agensi tentang pentingnya penerapan amalan-amalan kualiti di setiap peringkat tugas dan pengurusan organisasi.

3. Sejak Majlis Anugerah Kualiti Perdana Menteri diperkenalkan pada tahun 1990, sebanyak 159 pencalonan telah diterima daripada sektor awam, 120 pencalonan daripada sektor swasta dan 102 pencalonan daripada sektor sosio-ekonomi. Untuk tahun 1996, sejumlah 73 buah organisasi telah mengambil bahagian, iaitu 36 dari agensi awam, 18 dari syarikat swasta dan 19 dari organisasi sosio-ekonomi.

4. Suka juga saya maklumkan di sini bahawa penyertaan sektor awam bagi Anugerah Kualiti Perdana Menteri 1996 diterima bukan saja daripada jabatan-jabatan Kerajaan dan badan-badan berkanun, malah juga dari unit dalam jabatan dan jabatan-jabatan yang lebih kecil seperti Pejabat Daerah, Majlis Daerah dan sekolah-sekolah.

Keupayaan yunit-yunit kecil ini untuk bersaing telah terbukti apabila Sekolah Menengah Tanah Merah I, Kelantan terpilih memenangi Anugerah Kualiti Ketua Pengarah MAMPU 1996 yang diadakan tak lama dahulu. Perkembangan ini menunjukkan bahawa budaya kecemerlangan dalam Perkhidmatan Awam telah berjaya meresap ke dalam pentadbiran di pelbagai peringkat, baik di kawasan bandar maupun di luar bandar.

5. Anugerah Kualiti Perdana Menteri merupakan kemuncak kepada siri anugerah kualiti yang diadakan setiap tahun. Ketiga-tiga agensi yang memenangi anugerah untuk tahun 1996 di anggap telah berjaya dalam usaha mencapai kecemerlangan dalam setiap aspek pengurusan yang dinilai. Saya yakin bahawa kejayaan ini tercapai bukan dalam sekelip mata malah melalui suatu proses yang agak lama. Ia juga melibatkan pelaburan tinggi dari segi peningkatan daya usaha dan kecekapan tenaga kerja, pencapaian budaya kerja cemerlang, penyemaian nilai-nilai diri yang positif, komitmen kepada kejayaan organisasi, dan kepekaan kepada kehendak luaran dan kesejahteraan pelanggan.

6. Sejak pelancaran MS ISO 9000 pada pertengahan tahun 1996, berbagai strategi penting telah diusahakan oleh MAMPU untuk menjayakan pelaksanaannya. Strategi-strategi ini melibatkan empat aktiviti utama iaitu promosi dan kesedaran; latihan; khidmat perundingan; dan pelaksanaan, pengauditan serta pensijilan.

7. Melihat kepada kemajuan yang dicapai dan pelan pelaksanaan yang disusun, saya yakin bahawa menjelang tahun 2000, semua agensi Kerajaan dapat melaksanakan MS ISO 9000, sekurang-kurangnya bagi satu bidang utama atau the core business process. Pada masa ini pun sudah terdapat beberapa agensi yang sedang melaksanakannya. Malah terdapat dua agensi yang memulakannya lebih awal dan

telah mendapat Sijil MS ISO 9000 daripada SIRIM iaitu Sinagama, Institut Penyelidikan Nuklear Malaysia (MINT), dan Unit Peralatan, Bahagian Hidrologi, Jabatan Pengairan dan Saliran. Di samping itu, 10 agensi sedang dalam proses mendapat pensijilan seperti Majlis Perbandaran Kuantan, Lembaga Tabung Haji, INTAN dan Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan, Kementerian Kesihatan.

8. Simposium MS ISO 900 ini bertujuan menggabungkan kesemua ketua-ketua jabatan di dalam satu forum untuk bertukar-tukar pengalaman dan pendapat serta membincangkan, menilai semula dan mengatur strategi dan pendekatan bagi melaksanakan MS ISO 9000 di agensi masing-masing. Simposium ini merupakan lanjutan kepada strategi fasa pertama yang merangkumi sesi penerangan untuk memberi kefahaman dan kesedaran kepada semua Kementerian dan Pejabat-pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri terhadap pelaksanaan MS ISO 9000. Di antara agenda-agenda penting ialah pembentangan kertas mengenai roadmap pelaksanaan MS ISO 9000 dalam Perkhidmatan Awam, serta cabaran dan pengalaman yang dilalui oleh beberapa agensi dalam negeri di sektor awam dan sektor swasta. Selain itu, pakar runding telah diundang untuk memberi pandangan dan berkongsi pengalaman negara luar dalam melaksanakan standard ini. Dengan adunan idea dan pengalaman daripada berbagai pihak ini akan dapat memberi gambaran yang lebih jelas tentang pelaksanaan dan pengamalan MS ISO 9000 secara optima dan berkesan.

9. Akhir kata, saya harap kedua-dua majlis pagi ini akan dapat menimbulkan kesedaran tentang usaha Kerajaan dalam mempertingkatkan kecemerlangan dan produktiviti agensi-agensi pelaksana dalam ketiga-tiga sektor ini. Saya juga ingin mengucapkan syabas saya kepada agensi-agensi yang menang. Bagi mereka yang tidak berjaya, dan yang merancang akan menyertai pencalonan ini di masa depan, kejayaan ketiga-tiga agensi ini patut dijadikan sebagai benchmark untuk mereka menuju ke arah kecemerlangan yang setanding atau lebih tinggi daripada apa yang mampu dicapai setakat ini.